

08 JUN 1998

Mahathir-Ringggit

KERAJAAN TIDAK BIMBANG LAGI TURUN-NAIK RINGGIT

SEPANG, 8 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan tidak bimbang lagi terhadap turun-naik ringgit berbanding dolar AS kerana negara ini sedang bergerak ke arah menjalankan perdagangan tukar barangan.

"Apa yang kita mahu lakukan ialah menjauhkan daripada nilai ringgit dan ini boleh dilakukan dengan mudah dengan menjalankan perdagangan pada asas dagangan timbal balas atau melalui tukar barang yang praktikal," katanya hari ini.

"Kita tidak begitu mengambil berat lagi," katanya apabila diminta mengulas mengenai kejatuhan lanjut ringgit berbanding dolar AS. Pada penguatkuasaan hari ini, ringgit ditutup pada 3.9950/005 kepada setiap dolar berbanding 3.9700/900 hari Jumaat.

Malaysia dijangka menjalankan perdagangan melalui dagangan timbal balas atau sistem pertukaran barangan dalam usaha mengurangkan pergantungan kepada penggunaan mata wang asing, terutama dolar AS.

Menjawab pertanyaan oleh pemberita selepas lawatan ke Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di sini, Dr Mahathir berkata malahan sebelum ini, ringgit jatuh kepada RM4.80 pada satu ketika, kemudian pulih sebelum ia jatuh semula.

"Ini adalah mainan yang kita tidak boleh kawal," dan kerajaan akan mengira sebanyak mana negara ini telah mengeksport dan sebanyak mana ia mengimport daripada segi barangan, katanya.

"Nilai barangan tidak naik atau turun sama ada ringgit berubah nilainya," kata Dr Mahathir.

Menyebut satu contoh, katanya nilai komputer berharga AS\$700 dan setan minyak sawit berharga sama tidak akan berubah malahan sekiranya ringgit naik atau turun.

"Apabila ringgit susut nilai atau naik nilai, ia berharga AS\$700, jadi tidak ada beza langsung," katanya.

Langkah ke arah timbal balas boleh berlaku lebih cepat kerana Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik Jumaat lalu mengumumkan bahawa China bercadang untuk menjual dua juta tan jagung sebagai makanan binatang sebagai tukaran untuk 300,000 tan minyak sawit dari Malaysia di bawah peraturan dagangan timbal balas. -- BERNAMA

AD SHY OS